



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION (UMNO)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

KENYATAAN MEDIA

1 Mac 2024

1. Kenyataan yang dibuat oleh beberapa pimpinan politik terhadap institusi raja baru-baru ini menunjukkan satu sikap yang tidak beradab dan mewujudkan prasangka terhadap institusi Raja-raja.
2. Pertama berhubung kenyataan sinis YB Tan Sri Hadi Awang yang secara tidak langsung mengaitkan titah ucapan Sultan Selangor dengan sikap Raja-raja yang perlu berwawasan kepada kehidupan akhirat dan tidak mengejar kepentingan dunia semata-mata.
3. Kedua berhubung, YB Hassan Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang pula dalam satu kenyataan mengulas Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sempena Pembukaan Parlimen Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas, beliau menyatakan "Agong telah crossed the line".
4. Kedua-dua ahli politik ini telah membuat satu kenyataan yang amat tidak bersesuaian serta tidak beradab dari sudut orang Melayu yang sentiasa menghormati dan memelihara adab ketika menyuarakan pandangan dan nasihat kepada Raja-raja Melayu.
5. Saya yakin konteks yang disampaikan oleh Yang Dipertuan Agong dan Sultan Selangor adalah bertujuan untuk memastikan keharmonian, kestabilan dan kesatupaduan rakyat Malaysia terus terpelihara dan fokus diberikan sepenuhnya kepada usaha memajukan negeri dan negara.
6. Saya juga yakin bahawasanya, Yang Dipertuan Agong dan Sultan Selangor amat arif dan mendapat nasihat serta pandangan yang cukup berkenaan soal perlembagaan dan tugas sebagai pemelihara Islam sebagai agama rasmi Malaysia.
7. Pemuda UMNO Malaysia mengancam sekeras-kerasnya tindakan yang tidak menghormati institusi raja dan akan terus menegur mana-mana individu atau parti yang melakukan sedemikian.
8. Pemuda UMNO Malaysia juga menyarankan agar satu undang-undang khas digubal oleh Kerajaan dan Parlimen untuk mengawal sebarang tindakan tidak beradab malah derhaka terhadap Institusi Raja-raja Melayu sejajar dengan Prinsip Rukun Negara.
9. Institusi raja bukan modal untuk sesiapa meraih dividen politik bagi survival mana-mana individu atau parti. Ia harus dimartabat, dipelihara dan dihormati.

Dr Akmal Saleh

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia

BERSATU • BERSETIA • BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada
PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA
Ibu Pejabat Pergerakan Pemuda UMNO

Tingkat 28, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel 6 03 4044 1199 No Faks 6 03 4044 2199
<http://www.pemuda.com.my>



46322/A/0001/UK/En